

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23/12/2018

'Ada konspirasi guling PM'

BH - 23/12/2018 m/s: 3

→ Khairuddin dakwa rancangan dilakukan 'puak' kecewa tidak dapat jawatan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Ahli Jawatankuasa Komunikasi dan Mobiliti Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan, mendakwa ada rancangan menggulingkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Beliau mendakwa, langkah itu dirancang oleh 'puak' yang tidak bertanggungjawab dan kecewa kerana tidak mendapat jawatan.

"Saya dapat menghidu tindakan tidak bertanggungjawab puak yang kecewa tidak dapat jawatan yang sedang berusaha untuk menjatuhkan Dr Mahathir selaku Perdana Menteri.

"Namun, puak ini terlalu kerdil bagi saya. Bukan niat saya untuk bersikap angkuh tetapi kalangan ini boleh dilipat-lipat masuk dalam kock seluar sahaja," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kenyataan Khairuddin itu dipercayai ditujukan kepada Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR Kedah, Datuk Johari Abdul, yang sebelum ini mengkritik Perdana Menteri seperti tidak tahu berbuat apa-apa dan hanya menghabiskan masa ke luar negara selepas Pakatan Harapan (PH) memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.

Tanggungjawab semua pihak

Mengulas lanjut, Khairuddin berkata, Perdana Menteri bertungkus-lumus membangunkan semula negara yang dirosakkan kerajaan kleptokrasi dan memerlukan sokongan padu daripada semua pihak.

"Ini bukan kerja Perdana Menteri seorang diri. Ia adalah tanggungjawab serta tindakan kolektif daripada semua pihak dalam PH. Jangan asyik salahkan Perdana Menteri seorang diri sahaja.

"Tolong jangan kurang ajar. Perdana Menteri ke luar negara bukan

bercuti, tetapi lawatan rasmi ke arah untuk mendapatkan keyakinan dunia luar bagi membangunkan semula negara ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi PKR, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil, berkata dakwaan Khairuddin itu hanyalah pendapat peribadi.

"Ini sekadar pendapat peribadi dan jika dilihat kenyataan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menyatakan sokongan penuh kepada pentadbiran Dr Mahathir:

"Saya menggesa semua pihak supaya tidak terlalu memberi fokus terhadap politik kepartian kerana rakyat kini mahukan bantuan, sokongan dan pembelaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Lembah Pantai itu berkata, isu rakyat perlu dijadikan keutamaan sejajar dengan semangat Malaysia baru.

"Saya sendiri di kawasan Parlimen memberi fokus bagi mencari penyelesaian kepada masalah rakyat. Berhentilah menuding jari dan jadikan isu membela rakyat sebagai perkara penting," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP, Anthony Loke ketika dihubungi, enggan mengulas mengenai perkara itu.



Langkah itu dirancang oleh 'puak' yang tidak bertanggungjawab dan kecewa kerana tidak mendapat jawatan"

**Khairuddin
Abu Hassan,**
Ahli Jawatankuasa
Komunikasi dan
Mobiliti PH